

Penjajahan kedua lebih parah

Oleh ABU BAKAR YANG

Setelah hampir 50 tahun merdeka, maka wajar bagi kita menilai semula sejauh mana kefahaman kita terhadap kemerdekaan sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam

JIKA apa yang ingin dicapai menerusi kemerdekaan itu diukur dengan keupayaan menjadikan rakyat Malaysia warga yang cemerlang, gemilang dan terbilang, maka berapa ramaikah di kalangan warga kita yang telah berjaya mencapai ke tahap ini.

Kalaupun tidak menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang, setidak-tidaknya berapa ramai yang berusaha keras untuk mencapai cita-cita murni tersebut. Apatah lagi bagi kita yang mengaku sebagai orang Islam kerana ciri-ciri tersebut mesti ada kerana kita harus menjadi contoh teladan kepada orang lain.

Namun di sebalik julukan itu, kita sering dikejutkan dengan maklumat-maklumat yang menunjukkan bahawa umat Islam sedang menghadapi masalah yang cukup besar. Sama ada masalah akidah, akhlak, pendidikan, pemikiran, ekonomi, keilmuan, kebudayaan dan sebagainya, semuanya ada dalam masyarakat orang Islam sekarang.

Setelah hampir 50 tahun merdeka, maka wajar bagi kita menilai semula sejauh mana kefahaman kita terhadap kemerdekaan sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Kekangan

Tidaklah merdeka namanya kalau kita sendiri tidak tahu tujuan kemerdekaan tersebut. Secara mudahnya, merdeka boleh diertikan dengan merengka segala kekangan dan ikatan yang membelenggu manusia daripada menjadi hamba Allah yang benar.

Ini bermakna kemerdekaan memberi kebebasan untuk seorang hamba Allah mengabdikan diri sepenuhnya kepada Penciptanya dengan melaksanakan segala apa yang diperintahkan oleh Tuhannya dan menjauhi pula larangan-Nya. Hamba yang merdeka berupaya membuang segala belenggu penghambaan terhadap sesama makhluk dengan penghambaan mutlak hanya kepada Allah.

Ini menjadikan kemerdekaan yang ditaja oleh Islam ialah bebas daripada unsur penindasan, penipuan ketidakadilan dan sebagainya yang boleh mencacatkan maksud kemerdekaan tersebut.

Maka dengan itu, manusia yang merdeka ialah yang merdeka jiwanya, merdeka fikirannya, merdeka pandangan hidupnya, terkawal hawa nafsunya, bijak mengimbangi

tuntutan rohaniah dan batiniah, sehingga menjadikannya seorang warganegara yang cemerlang, gemilang, terbilang.

Manakala negara merdeka pula bebas melaksanakan urusan menurut perintah agama dan pandangan hidup beraskan agama ke atasnya, sehingga ia menjadi sebuah negara yang bebas daripada segala bentuk kongkongan dan pengaruh penghambaan daripada fahaman pandangan hidup.

Ini juga membawa maksud bahawa kemerdekaan bukan hanya sekadar membawa keluar penjajah dari negara yang dijajah, tetapi juga bebas daripada segala bentuk kongkongan dari dalam diri, jiwa dan fahaman agar tiada lagi unsur penghambaan yang mengikat penjajah dengan yang dijajah.

Namun hakikat sebenar dalam kehidupan masa kini menggambarkan sebaliknya. Sudah hampir 50 tahun penjajah meninggalkan negara kita tetapi rakyat Malaysia masih mengagungkan kehebatan mereka.

Mungkin lidah kita tidak menyebut penjajah itu hebat dan kuat, dan hati kita juga keberatan untuk menyatakan yang sedemikian, namun tanggapan dan kefahaman kita memuji keunggulan penjajah dari Barat kerana dari sanalah kelihatan munculnya tamadun dan keilmuan yang memukau dan menjangkau ke seluruh pelosok dunia.

Perkembangan ilmu dan tamadun yang kononnya dibawa dan dikembangkan oleh bekas penjajah ke atas kebanyakan negara Islam terus menular ke setiap penjuru, lorong dan rumah di muka bumi ini sehingga memungkinkan satu lagi bentuk penjajahan yang tidak disedari.

Keadaan ini telah memungkinkan akal fikiran kita untuk kembali dipaku dengan kehebatan Barat dan memaksa akal fikiran kita mengiakan bahawa Barat itu hebat dan akan selamanya hebat. Inilah yang sebenarnya berlaku ke atas akal fikiran orang Islam masa kini. Inilah juga yang ingin ditanam oleh penjajah Barat ke atas kita sehingga kita sentiasa berasa dikalahkan walaupun telah lama merdeka.

Apa yang dinamakan sebagai *defeated mentality* ini telah berjaya menular jauh ke dalam sanubari kita sehingga kita merasakan

apa yang dibawa oleh Barat itu adalah sesuatu yang baik, *up to date*, moden, canggih dan sesuai dengan perkembangan zaman.

Apakah mungkin kita mengatakan kita sudah merdeka sekiranya inilah bentuk pemikiran yang masih lagi tertanam kukuh di sanubari kita. Apakah umat Islam tidak mempunyai panduan dan petunjuk apabila membicarakan tentang kemerdekaan.

Bagi kita orang Islam apabila membincangkan perkara kemerdekaan maka tidak dapat tidak ia mesti dikaitkan dengan *maqasid shariyyah* yang lima. Pertama, menjaga agama, di mana kemerdekaan yang dicapai mestilah berupaya untuk memastikan pemeliharaan urusan beragama bagi setiap warganegaranya. Kedua, menjaga nyawa.

Adalah menjadi tanggungjawab sebuah negara yang merdeka memastikan nyawa setiap rakyatnya diberi keutamaan. Ketiga, menjaga akal, yang menjadi unsur penting bagi membolehkan setiap individu berfikir secara *mantiqi* dan *aqli* sebelum melakukan sesuatu tindakan dalam hidupnya.

Keamanan

Keempat, menjaga keturunan, di mana sebuah negara yang merdeka perlu meletakkan sistem, dan peraturan agar keturunan masyarakat manusia dipelihara kesucian dan kebersihannya. Yang terakhir menjaga harta benda. Sebuah negara yang merdeka bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesejahteraan harta benda rakyatnya dengan berusaha mewujudkan keamanan yang berterusan di dalam negaranya.

Kelima-lima perkara ini menjadi asas utama dalam mana-mana kehidupan seorang manusia dan juga asas kepada pembinaan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sekiranya lima perkara asas ini dapat dibangunkan dan dipelihara dengan sempurna maka ia memungkinkan akan kemerdekaan yang sebenarnya dan memungkinkan juga akan kelahiran satu umat manusia yang benar-benar bertamadun, berakhlak mulia, beradab, berjiwa besar dan kuat pegangan agamanya.

Um - 1/9/2006.
Bagi umat Islam bukannya kita tidak tahu akan kepentingan *maqasid shariyyah* ini, apatah lagi untuk menolaknya mentah-mentah. Cuma yang menjadi persoalannya ialah apakah umat Islam kini mempunyai kesedaran akan tanggungjawab untuk melaksanakan asas yang lima ini, dan juga adakah kita mempunyai keupayaan memahaminya dan kesungguhan untuk melaksanakannya.

Memang tidak dinafikan di saat kita berusaha untuk kembali meletakkan syariat pada landasan perlaksanaan yang betul agar setiap jiwa dapat merasa nikmat kemerdekaan, maka ketika itu jugalah akan muncul halangan yang akan membantut usaha murni tersebut. Halangan-halangan ini datang dalam berbagai bentuk yang semuanya dicipta hanya dengan satu tujuan, iaitu menyekat daripada terlaksananya kalimah Allah di muka bumi yang sekali gus menghalang terbinaanya manusia yang menjadi hamba yang benar-benar merdeka.

Lihat saja kepada umat Islam kini, semuanya sudah memiliki negara masing-masing yang diberi dan diiktiraf kemerdekaannya. Tetapi, bagi golongan penjajah pengiktirafan kemerdekaan ini hanyalah dari sudut jasadnya sahaja sedangkan mereka tidak akan membiarkan jiwa dan akal fikiran kita terlepas lari daripada cengkamannya.

Hal ini sebenarnya telah diingatkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran apabila kita umat Islam diberi amaran bahawa Yahudi dan Nasrani tidak akan redha dengan umat pilihan ini selagi mana kita tidak menuruti jejak langkah dan cara hidup mereka. Dua golongan inilah yang menjadi pelopor utama penjajahan dunia masa kini.

Namun di sebalik amaran yang telah diberikan oleh Allah, umat Islam masih tidak peduli bahkan mengambil sebahagian daripada kalangan mereka sebagai penasihat. Tidak cukup dengan itu, penjajah ini dijemput pula untuk membangunkan negara-negara yang dianggap merdeka ini dengan kaedah dan pendekatan yang kononnya terkini, moden dan canggih.

Akibatnya maka berlakulah apa yang dapat dilihat dalam pembangunan kemanusiaan kini. Pembangunan yang dijaja masuk ke dalam negara-negara umat Islam kelihatannya hebat dan mempesonakan, tetapi pada masa yang sama ia juga merosak dan meruntuhkan.

Akibat termakan 'gula-gula' penjajah ini maka umat Islam itu sendiri dihindangi penyakit kelemahan dalam serba-serbinya. Lemah dari segi akidahnya, longgar pegangan

agamanya, rendah mutu akhlaknya, dangkal ilmunya, miskin hartanya walaupun tinggal dalam negeri yang melimpah-ruah hasil buminya, suka bertelagah dan berpecah belah, berpuak-puak, saling dengki-mendengki, cela-mencela, tipu menipu, dan sangat daif kepimpinan dan pengurusannya.

Setelah ini semua telah berakar umbi dalam masyarakat orang-orang Islam, maka mudahlah sekali lagi pihak penjajah datang dengan seribu macam muslihat untuk menjajah untuk kali yang kedua.

Penderitaan

Tetapi untuk kali yang kedua ini, penjajah membiarkan jasad orang-orang Islam ini berada di bumi mereka yang merdeka, tetapi jiwa, minda dan bahkan mungkin juga ketaa-tan dan kasih sayang mereka mungkin berada jauh di bumi penjajah.

Maka dengan itu tidaklah menjadi suatu yang menghairankan pada hari ini apabila suatu musibah menimpa saudara sesama Islam di negara yang lain, maka orang Islam di tempat lain tidak mampu berbuat apa-apa untuk membantu, malah ada juga yang sedikit pun tidak merasakan penderitaan yang ditanggung oleh saudaranya.

Sungguh memang benar kejayaan penjajahan kali kedua lebih perit dan sukar untuk diubati kerana penyakitnya berada jauh di dalam jiwa dan akal fikiran kita.

Oleh itu, sempena menyambut kemerdekaan untuk kali yang ke-49 ini, marilah sama-sama kita merenung kembali penghayatan kemerdekaan yang ingin kita isi. Adakah pengisiannya masih lagi kesinambungan agenda penjajah yang ingin memperkukuhkan cengkamannya ataupun kita mempunyai kemerdekaan kita sendiri. Marilah kita mengisi kemerdekaan ini dengan melakukan perubahan jiwa dan akal fikiran secara mantap, kukuh dan sekata.

Setiap perancangan yang hendak dilaksanakan mesti melalui pendekatan yang dapat mengembalikan kekuatan dan kemuliaan umat pilihan ini.

Jalan yang dirintis juga perlu dipastikan tidak meninggalkan roh agama atau merendahkan martabat akhlak dan kesopanan selain tidak meniru Timur ataupun Barat atau mana-mana adunan tamadun yang merosakkan.

Ini kerana acuan sebenar Islam mampu melahirkan umat yang benar-benar merdeka dengan ciri-ciri cemerlang, gemilang dan terbilang.